

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD
[LIPIS – BN]**

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilakah kerajaan akan membina sebuah Kompleks Rakan Muda di Parlimen Lipis kerana ramai penduduk Lipis mengalami kekangan untuk melakukan aktiviti sukan seperti tiada kawasan khas untuk merekan bersukan dan kekurangan fasiliti untuk bersukan sekaligus dapat menjadikan sukan sebagai budaya kearah gaya hidup sihat.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) buat masa ini tiada perancangan untuk membina kompleks sukan di Parlimen Lipis. Walau bagaimanapun KBS bersedia untuk melihat semula kemudahan sukan yang terdapat di Lipis untuk dinaiktaraf bagi memastikan ianya dapat digunakan oleh penduduk tempatan sekaligus menjadikan sukan sebagai gaya hidup sihat.

Sekian, terima kasih.